

## LAPORAN SEMINAR NKRA

### 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Seminar NKRA yang bertemakan “Peranan Dan Implikasi Kepada Jabatan Audit Negara” telah berlangsung di Permaisuri Hotel & Resort Port Dickson, Negeri Sembilan pada 25 dan 26 Januari 2010. Objektif Seminar adalah untuk memupuk kefahaman mengenai Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) dan mendapat cadangan balas daripada peserta Seminar untuk menyediakan komen/pandangan berhubung dengan enam NKRA tersebut. Di samping itu, para peserta Seminar juga membincangkan peranan Jabatan Audit Negara dalam merealisasikan NKRA dan implikasi pelaksanaannya kepada Jabatan terutama kepada kerja pengauditan.
- 1.2 Seminar ini telah dihadiri oleh 67 peserta yang terdiri daripada Pengarah, Timbalan Pengarah dan lain-lain pegawai Jabatan Audit Negara. Para peserta telah dibahagikan kepada 6 makmal bagi membincangkan setiap NKRA.

### 2. PROGRAM SEMINAR

#### 2.1 Kata Aluan Ketua Audit Negara

Tan Sri Dato’ Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara mengucapkan terima kasih kepada YB Senator Dato’ Sri Idris Jala kerana sudi meluangkan masa hadir ke seminar NKRA. Beliau dalam kata aluannya menekankan bahawa Kerajaan amat serius mengenai pelaksanaan NKRA sebagai dasar teras ekonomi negara. Setiap juruaudit perlu tahu mengenai program transformasi Kerajaan kerana juruaudit mempunyai peranan dari segi pengauditan kerana NKRA melibatkan perbelanjaan awam. Perdana Menteri mahu melihat perbelanjaan awam hendaklah berdasarkan *value for money*. Oleh yang demikian, melalui *reality check*, juruaudit memberi pandangan

kepada *stakeholders* mengenai apa yang sebenarnya berlaku terutama dalam aspek ekonomi, kecekapan dan keberkesanan bagi memastikan kes pembaziran, pemborosan dan penyelewengan tidak berlaku.

Beliau memaklumkan penganjuran seminar ini adalah berikutan dari jemputan pihak PEMANDU semasa Hari Terbuka di mana pihaknya sentiasa mengalu-alukan pandangan balas terhadap 6 NKRA yang diumumkan. Kata beliau, “Jabatan Audit Negara adalah satu-satunya agensi kerajaan sebagai rakan kepada PEMANDU untuk menjadi *eyes and ears* bagi mereka”.

Ketua Audit Negara berharap bagi mencapai Wawasan 2020, kes tadbir urus yang tidak baik seperti PKFZ tidak akan berlaku lagi. Seterusnya beliau juga berharap para peserta seminar akan memanfaatkan seminar dengan sebaiknya bagi meningkatkan pengetahuan mereka mengenai NKRA, MKRA dan KPI.



## **2.2 Taklimat Mengenai NKRA**

Satu taklimat mengenai NKRA telah disampaikan oleh YB Senator Dato' Sri Idris Jala, Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku CEO PEMANDU. Antara perkara yang disentuh dalam persembahan beliau ialah mengenai keperluan NKRA diwujudkan, objektif dan proses menyediakan enam NKRA melalui penubuhan makmal.

Beliau memberitahu bahawa Buku Pelan Tranformasi Kerajaan akan dilancarkan pada 28 Januari 2010. Selain itu, Ringkasan Eksekutif sebanyak 20 muka surat dan *Handbook* sebanyak 10 muka surat mengenai buku tersebut juga disediakan.

Dalam penyediaan NKRA, beliau berpegang teguh kepada prinsip *action learning*. Beliau mengalu-alukan juruaudit Jabatan untuk menyertai makmal yang akan dijalankan seperti *subsidy rationalization lab*, *teacher's quality/curriculum lab*, *property development lab* dan *toll concession lab*.



### **2.3 Perbincangan Lab**

Para peserta telah dibahagikan kepada enam lab. Sebelum perbincangan lab diadakan, wakil daripada Kementerian/Jabatan yang bertanggungjawab terhadap setiap NKRA telah memberi taklimat ringkas selama 1 jam.

## Lab 1

NKRA : Mengurangkan kadar jenayah

Penceramah : Encik Abdul Aziz Bin Md. Nor  
Setiausaha Bahagian NKRA  
Kementerian Dalam Negeri

Ketua Lab : Y. Bhg. Dato' Mustafa Bin Haji Saman (JUSA C)



## Lab 2

NKRA : Memerangi rasuah

Penceramah : Y. Bhg. Dato' Hisham Bin Nordin  
Pengarah NKRA (*Corruption*)

Ketua Lab : Puan Ong Swee Leng (JUSA C)



### **Lab 3**

NKRA : Meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan

Penceramah : Puan Nurlida Bt. Ahmad  
Pegawai NKRA  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Ketua Lab : Encik Boon Jon Lin (JUSA C)



### **Lab 4**

NKRA : Meningkatkan taraf hidup isi rumah yang berpendapatan rendah

Penceramah : Encik Hazmi Bin Shamsudin  
Penolong Pegawai NKRA  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

Ketua Lab : Encik Juhari Bin Haron (JUSA C)



### **Lab 5**

NKRA : Memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman

Penceramah : Puan Ani Bt. Ahmad  
Ketua Penolong Setiausaha (NKRA)  
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

Ketua Lab : En. Khalid Khan b. Abdullah Khan (JUSA C)



### **Lab 6**

NKRA : Menambah baik pengangkutan awam dalam jangka masa sederhana

Penceramah : Encik Suhaili Bin Idrus  
Pengarah (*Urban Public Transport*)  
PEMANDU

Ketua Lab : Tuan Haji Che Isa Bin Che Kob (JUSA C)



## 2.4 Pembentangan Kumpulan

Pada 26 Januari 2010, sebanyak enam kumpulan telah membentangkan cadangan balas mengenai NKRA, peranan dan implikasi pelaksanaan NKRA kepada Jabatan Audit Negara.

### **Pembentangan 1 - Meningkatkan taraf isi rumah yang berpendapatan rendah oleh Encik Juhari Bin Haron**

Antara kandungan pembentangan beliau merangkumi:

- Definisi dan misi NKRA keempat
- Kumpulan sasar dan strategi membasmi kemiskinan
- Program – program yang terlibat



- Komen/Cadangan balas terhadap NKRA yang dibincangkan
- Peranan JAN dalam menyumbang ke arah pencapaian NKRA ke 4:
  - Perlu ada satu Jawatankuasa untuk menyelaraskan peraturan dan sistem sedia ada di 18 Kementerian/Agensi yang terlibat dalam NKRA ini;
  - Ahli Jawatankuasa terdiri daripada wakil JAN, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kewangan, Biro Pengaduan Awam, SUK Negeri (13) dan 18 agensi lain yg terlibat (KPKT, JKM, KKLW, KPWKM, MARA, TEKUN, MOA dll);
  - Tubuhkan Cawangan Audit Negara (NKRA) yang ditempatkan di Jabatan Pembangunan Sosial Negara (NasDed);

- Pengauditan berterusan akan dilaksanakan terhadap semua aktiviti NKRA berdasarkan objektif untuk meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah;
- Pengauditan berterusan akan dilaksanakan terhadap semua aktiviti NKRA ini;
- Laporan Khas KAN secara berasingan mengenai NKRA – Membasmi Kemiskinan/ Meningkatkan Taraf Hidup Rakyat Berpendapatan Rendah (LIH) disediakan dan dikemukakan kepada Parlimen/CEO PEMANDU/KSU Kementerian yang bertanggungjawab.

## **Pembentangan 2 - Menambah baik pengangkutan awam dalam jangka masa sederhana oleh Encik Roslan Bin Bakar**

Antara kandungan pembentangan beliau merangkumi:

- Komen/Cadangan balas terhadap NKRA yang dibincangkan
- Beberapa langkah yang boleh dimainkan oleh JAN termasuk :
  - Menilai pencapaian projek berdasarkan *good governance, value for money, transparency* dan *integrity*;



Keutamaan pengauditan akan diberi kepada projek NKRA;

- Menjalankan pengauditan prestasi semasa dalam proses pelaksanaan projek;
- Memberi input tambahan kepada PEMANDU berdasarkan pengalaman Audit lepas;



- Memfokus kepada isu-isu berkaitan *sustainability of the projects*.
- *Risk Analysis* bagi setiap projek yang dijalankan; dan
- Mengambil kira perkara seperti perubahan teknologi/kesan kepada alam sekitar dsb.

### **Pembentangan 3 - Memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman oleh Encik Zulkipli Bin Abdullah**



Antara kandungan pembentangan merangkumi :

- Kepentingan NKRA-5
- Program utama dan pihak yang terlibat
- Beberapa syor yang dikemukakan:
  - *Real time* audit (semasa projek berlangsung);
  - Perancangan untuk melaksanakan pengauditan perlu sejajar dengan NKRA yang sedang berjalan untuk membuat penilaian terhadap pencapaian NKRA;
  - Pencapaian KPI tahunan perlu dipantau dan diaudit secara menyeluruh di akhir tempoh pelaksanaan;
  - Unit Audit Dalam perlu diperkasakan dengan pasukan teknikal yang mantap untuk menjamin pengauditan yang berkualiti;
  - Kompetensi juruaudit perlu dipertingkatkan;
  - Penemuan Audit diambil kira dalam penambahbaikan KPI Kementerian;
  - Peruntukan Jabatan Audit Negara bukan melalui Perbendaharaan sebaliknya terus daripada Parlimen;

- Penubuhan Suruhanjaya Audit mengikut model negara maju seperti United Kingdom;
- Meminda Akta Audit supaya memperluaskan skop definisi 'orang' kepada semua rakyat, bukan hanya penjawat awam; dan
- Pengauditan projek NKRA dijalankan secara *across the board* melibatkan semua sektor.

#### **Pembentangan 4 - Memerangi rasuah oleh Puan Yusnani Bt. Zakaria**

Antara peranan Jabatan yang ditekankan oleh Pembentang dalam membantu pencapaian matlamat NKRA ialah:

- Rancangan Pengauditan perlu memberi fokus kepada pencapaian NKRA melalui:
  - Tetapkan polisi
  - Rancangan 3/5 tahun – memastikan keseluruhan NKRA diliputi
- Pemilihan topik Kajian Audit yang memberi fokus kepada:
  - *Procurement* – pengauditan kontrak
  - *Enforcement Agencies*
- Membantu peranan SPRM melalui pengauditan Forensik;
- Menilai kebolehpercayaan data/sumber data;
- *Benchmark* dengan negara luar seperti Australia dan Canada dalam *Performance Management Audit*;
- Sebagai pemilik KPI perolehan, JAN perlu mewujudkan mekanisme mengenai definisi pengauditan perolehan, menetapkan kriteria, prosedur, proses, mengumpul dan menganalisis data; dan
- Mewujudkan mekanisme/saluran pengaduan berkaitan rasuah seperti *Fraudnet-US* di JAN melalui *hotline, toll free line, sms* dan emel.



Peranan Jabatan dapat diperkasakan dengan penubuhan Suruhanjaya Audit Negara di mana kebebasan Ketua Audit Negara diperluaskan mencakupi peruntukan kewangan (bajet) terus ke Parlimen dan pengambilan kakitangan oleh Jabatan

#### **Pembentangan 5 - Mengurangkan kadar jenayah oleh Puan Fadzilah Bt. Mohamad dan Encik Hishamuddin Shah Bin Mohamad Shafiee**



Antara peranan Jabatan dalam menyokong paradigma baru ini ialah:

- Memberi tumpuan kepada projek/aktiviti berkaitan dengan pelaksanaan NKRA. Contoh:
  - Aktiviti Penguatkuasaan Ke Atas Bengkel Haram Di Kawasan PBT (*Across The Board*)
  - Program Pemulihan Banduan

- Sistem Berkomputer Yang Diguna Pakai Dalam Melaksanakan NKRA Yang Berkenaan (Contoh: *Court Recording and Transcribing (CRT) system*)
- Melibatkan pegawai JAN dalam perbincangan NKRA selaku *resource person* bagi program-program di mana Jabatan mempunyai kepakaran.
- Memastikan pegawai khusus sepenuh masa dipertanggungjawabkan untuk memantau kemajuan pelaksanaan NKRA

**Pembentangan 6 - Meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan oleh Encik Rezuoi Bin Abdullah**



Antara kandungan pembentangan merangkumi:

- Cadangan balas terhadap NKRA

- Pra Sekolah
  - Jabatan perlu melaksana Pengauditan Prestasi – prasarana, perolehan, pembinaan, peralatan, keselamatan, pencapaian program; Pengauditan Kewangan; Pengauditan ICT.
  - Pengauditan perlu ada koordinasi antara JAN/UAD/BAS supaya tiada pertindihan auditan
- Literasi Dan Numerasi (LINUS)

- Jabatan perlu melaksana Pengauditan Prestasi – pencapaian program, pelaksanaan dan pemantauan dan Pengauditan ICT terutama dalam aspek integriti data
  - Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)
    - Jabatan melaksana Pengauditan Prestasi – pencapaian program, pelaksanaan dan pemantauan
    - Melaksana Pengauditan Kewangan – penyediaan dan pematuhan kepada SOP “Perlu ada pernyataan dalam perubahan iaitu pengauditan perlu diaudit oleh JAN”
    - Melaksana Pengauditan ICT
  - Tawaran baru kepada pemimpin sekolah
    - Melaksana Pengauditan Kewangan dan Pengauditan Pengesahan sebelum pengiktirafan
- 6 NKRA boleh dicapai dengan:
- Mengadakan *Roadshow* kepada semua *stakeholder* oleh NKRA
    - Media massa
    - Penerangan kepada semua sekolah
  - Penjelasan oleh BAS kepada Pengetua/Guru Besar semasa menjalankan pengauditan
  - Pengauditan Penarafan (*Star Rating*)
  - Penglibatan JAN dalam lab-lab NKRA akan datang
  - Reka bentuk sekolah yang seragam untuk penjimatan

## 2.5 Ringkasan Sesi Soal Jawab

Beberapa pegawai kanan Jabatan telah menyertai sesi soal jawab setiap pembentangan dan berikut adalah beberapa perkara yang dicadang/dikomen:

- Jabatan Audit Negara perlu dijadikan sebagai Suruhanjaya Audit bagi memperkukuhkan kebebasan Ketua Audit Negara.
- Kerjasama antara agensi pelaksana dan *Utility Providers* amat perlu

- Pengauditan perlu memberi perhatian kepada aspek perancangan bukan hanya pemantauan
- 80% pengauditan yang dilaksanakan adalah mengenai perolehan seperti bekalan, kontrak dan sebagainya.

- Y. Bhg. Dato' Azizah binti Hj. Arshad  
Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)

- Objektif sesuatu inisiatif tidak akan tercapai sekiranya ada campur tangan politik.

- Y. Bhg. Dato Hj. Anwari bin Suri  
Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri)

- Maklumat yang diperoleh daripada e-Kasih perlu standardised bagi tujuan pengauditan. Memandangkan maklumat e-Kasih banyak diperlukan oleh pelbagai agensi maka ianya perlu ada mekanisme bagi tujuan penyelarasan

- Y. Bhg Dato' Mustafa bin Saman  
Pengarah (Sosial)  
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan

- Aktiviti yang berisiko tinggi perlu dikenalpasti sebagai satu langkah untuk membanteras rasuah.

- En. Khalid Khan bin Abdullah Khan  
Pengarah Audit Negeri Sarawak

- Pengauditan mempunyai peruntukan kerahsiaan dan setiap maklumat/pendedahan kepada agensi luar perlu memberi perhatian terhadap perkara ini.

- Tn. Hj. Che Isa bin Che Kob  
Pengarah Audit Negeri Johor

- Dalam membanteras rasuah, whistle blower perlu diwujudkan dan menubuhkan flying squad/penyiasatan khas di Sektor Audit Khas.

- En. Zulkifli bin Abdullah  
Ketua UAD Kem. Kemajuan Luar Bandar & Wilayah

### **3. RUMUSAN DARIPADA KETUA AUDIT NEGARA**

Ketua Audit Negara dalam rumusannya menyatakan bahawa seminar yang diadakan telah menambah ilmu pengetahuan peserta mengenai NKRA. Beliau berharap maklumat yang diperolehi dapat dikongsi bersama dengan kakitangan lain bagi meningkatkan kesedaran berhubung NKRA. YB. Perdana Menteri sangat serius tentang pelaksanaan NKRA di mana masalah dikenalpasti, strategi diatur dan sasaran dibuat.

Metodologi transformasi Kerajaan adalah relevan kepada Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam. Adalah wajar komitmen diberi untuk membantu menyumbang kepada pencapaian objektif NKRA kerana peranan yang boleh dimainkan oleh Jabatan sememangnya telah diakui oleh PEMANDU.

Ketua Audit Negara juga meminta juruaudit berinteraksi dengan PEMANDU melalui penyertaan dalam perbincangan makmal. Bagaimanapun, penyertaan Jabatan adalah bergantung kepada kepakaran dan pengalaman juruaudit berkaitan. Beliau berharap pegawai –pegawai kanan dapat memilih wakil yang sesuai bagi tujuan tersebut.

Ketua Audit Negara meminta juruaudit menyesuaikan mindset dengan NKRA. Program pengauditan bagi semua sektor perlu dirangka sejajar dengan NKRA terutama Sektor Audit Khas. Penyelarasan antara Jabatan dan Unit Audit Dalam adalah perlu agar pertindihan tugas tidak berlaku.

Juruaudit perlu sensitif kepada persepsi luar. Kualiti pengauditan hendaklah *water tight* dan perlu dipelihara. Isu yang dibangkitkan hendaklah berdasarkan bukti dan bukan isu yang remeh temeh.

Melalui seminar ini, kumpulan pakar bagi sesuatu bidang NKRA dapat ditubuhkan. Beliau menegaskan koordinasi keseluruhan mengenai NKRA dalam pengumpulan maklumat diberi kepada Sektor Audit Khas & Penyelidikan. Seterusnya, draf Memorandum terhadap perbincangan NKRA akan disediakan dan dikemukakan kepada PEMANDU. Tiap – tiap syor hendaklah disertakan justifikasi terutama yang melibat Jabatan.

Gambar-gambar sepanjang seminar berlangsung

